

26/06/1997

Tamadun Islam memperkuat minda

USAHA melahirkan masyarakat yang utuh rohaniannya dan berpengetahuan luas mengenai peradaban dunia seperti diinginkan oleh pemimpin kita di pelbagai peringkat, akan lebih lengkap berikutan cadangan kerajaan agar semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini diwajibkan mengikuti kursus Tamadun Islam. Lantaran itu, langkah mewajibkan kursus ini kepada semua pelajar IPT termasuk bukan Islam, haruslah dipandang positif oleh semua lapisan masyarakat sebagai suatu agenda memperlengkapkan pengetahuan pelajar di samping membina kekuatan ummah.

Walaupun kursus ini diperkenalkan sejak 1983 atas kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, pelaksanaannya tidak menyeluruh dan berbeza antara universiti. Tamadun Islam sekadar mata pelajaran elektif bagi pelajar, khasnya yang tidak mengambil kursus di jurusan fakulti Islam. Ada juga universiti yang hanya menawarkan kursus itu kepada pelajar aliran sastera saja. Selain itu, kandungan mata pelajaran ini juga banyak yang merupakan kesinambungan kepada pelajaran sejarah Islam di tingkatan enam. Di samping itu, beberapa IPT yang mewajibkan mata pelajaran ini difahamkan tidak pula menjadikannya sebagai asas penganugerahan ijazah kepada graduan.

Bagaimanapun melalui rancangan terbaru mewajibkan semua pelajar IPT mengikuti kursus Tamadun Islam ini, beberapa perubahan dijangka dibuat termasuk dilaksanakan secara menyeluruh, bersungguh-sungguh dan seragam oleh semua universiti. Ini adalah antara yang dipersetujui melalui mesyuarat serentak Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam dan Badan Perunding Islam yang dipengerusikan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

Kita yakin perubahan ini akan mampu membawa generasi masa depan ke era gemilang. Ia juga dijangka boleh memperkuat minda generasi akan datang di samping menginsafi kebesaran Islam dan tamadun Islam pada zaman lampau. Graduan yang bakal lahir kelak boleh dibanggakan kerana bukan saja kaya dengan pengetahuan akademik dan menjadi tenaga mahir malah turut menjadi manusia yang insaf dan peka dengan sejarah masa lampau bagi disesuaikan dengan kehidupan dan ilmu zaman moden.

Sebagaimana yang kita tahu, peradaban Islam memang kaya dengan sejarahnya yang pelbagai. Malah ramai yang tidak tahu teknologi moden yang kita nikmati sekarang sebenarnya bermula daripada peradaban Islam. Bidang sains yang diagung-agungkan oleh Barat bahawa ia bermula dari sana, sebenarnya dimulai sejak zaman keagungan Islam lagi. Fakta sebegini amatlah logik jika dikongsi bersama oleh generasi masa depan, tidak kira masyarakat Islam ataupun bukan Islam.

Dari segi pelaksanaan, kita tidak nampak adanya banyak halangan terutama penerimaan pelajar bukan Islam. Ini kerana daripada maklum balas yang dibuat di kalangan pelajar bukan Islam di beberapa IPT terutama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati mereka berpuas hati dengan kursus itu. Rata-rata mereka menyifatkan kursus itu sebagai positif kerana menambah pengetahuan mereka di samping memberi maklumat berguna.

Kita percaya tidak sepatutnya menjadi masalah bagi pelajar bukan Islam kerana pembelajaran mengenai sesuatu tamadun adalah bersifat sejagat. Ia juga sepertimana kita memperdalami budaya Barat, tidak semestinya bermaksud kita mengagungkan tamadun Barat. Atau seperti kita memperdalami budaya negara China atau Jepun, yang tidak semestinya kita harus menjadi orang China atau Jepun. Apa yang lebih utama setiap peradaban yang kita

pelajari seharusnya mampu meningkatkan keintelektualan seseorang individu.

Mempelajari peradaban atau tamadun Islam, selain menjadikan kita insaf mengenai sejarah keagungan agama itu juga menjadi pendinding bagi kita orang timur supaya tidak menerima tamadun Barat secara membuta tuli. Ia juga dapat membentuk generasi Malaysia menjadi lebih kuat dari segi mental dan tidak terus menjadi mangsa penjajahan pemikiran dan budaya Barat. Anggapan bukan Islam anggapan bahawa program ini menjadi alat dakwah tidak seharusnya timbul kerana pembelajaran mengenai sesuatu tamadun itu adalah bersifat sejagat. Mereka seharusnya tidak bimbang dengan memberi jaminan kerajaan bahawa kursus itu bukan kursus dakwah. Malah pendedahan secukupnya mengenai kursus ini meningkatkan kefahaman pelajar Islam dan bukan Islam serta memupuk semangat toleransi agama.

(END)